

# UNISSA jalin kerjasama dengan UIM



**TIMBALAN Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail** menyaksikan pertukaran dokumen MoU, pihak Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), diwakili oleh Rektornya, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal, manakala Universiti Islam Malaysia (UIM) diwakili oleh Presidennya, Tan Sri Profesor Dr. Mohd Yusoff Noor.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 27 Mei. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) mengorak langkah ke hadapan dalam usahanya menjalin dan mengukuhkan hubungan kerjasama dua hala dengan institusi pengajian tinggi luar negara.

Selubungan itu, UNISSA menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Universiti Islam Malaysia (UIM) berlangsung di Bilik Bankuet, UNISSA, di sini.

Menandatangani bagi pihak UNISSA ialah Rektornya, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal, manakala UIM ditandatangani oleh Presidennya, Tan Sri Profesor Dr. Mohd Yusoff Noor.

Hadir menyaksikan penandatanganan tersebut ialah Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail.

Dalam ucapan alu-aluannya,

Dr. Haji Norarfan berkata, penandatanganan tersebut menunjukkan jalinan kolaborasi yang menghasilkan perpaduan dan setia kawan bagi meningkatkan kemajuan dan pembangunan dalam penerokaan ilmu, penyelidikan dan penerbitan.

Sebagai sebuah Institusi Pengajian Tinggi Islam yang ingin terus menempa dan melonjakkan kecerdasannya pada barisan institusi pengajian tinggi pada peringkat serantau dan antarabangsa, UNISSA jelasnya, beriltizam dan meletakkan hasrat yang tinggi untuk mempelajari amalan-amalan terbaik dari mana-mana institusi pengajian tinggi lainnya yang telah menempa nama dan reputasi baik dalam pelbagai aspek dan kejayaan yang diraih.

Hasrat dan iltizam UNISSA sebagai sebuah Universiti Islam Tulen, tambahhanya, akan tetap dipertahankan bahkan dipertingkatkan mutu dan perannya dari semasa ke semasa.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Hamzah Mohiddin

Usaha gigih dan berterusan demi memartabatkan bidang Pendidikan Islam di negara dan rantau ini, katanya, akan diberi perhatian utama, memandang cabaran global masa kini menuntut Institusi Pengajian Tinggi memperkukuh dan mempertahankan kedaulatan beragama selaras dengan pegangan Ahli Sunnah Waljamaah.

Dalam memorandum tersebut, kedua-dua buah universiti bersetuju menjalankan kerjasama dalam bidang akademik, program mobiliti pelajar serta staf dan penyelidikan dalam bidang-bidang pengajian Islam serta lain-lain bidang yang boleh diperluaskan dari semasa ke semasa.

UIM merupakan sebuah universiti pasca siswazah (*postgraduate*) yang pertama ditubuhkan di Malaysia. Dalam sejarah awalnya, UIM dikenali sebagai Kolej Islam Malaya (KIM), ditubuhkan pada 8 April 1955. KIM merupakan sebuah institusi pengajian tinggi pertama di Malaysia atas persetujuan Diraja melalui Majlis Raja-Raja Melayu untuk

meningkatkan kefahaman dalam kalangan umat Islam di Tanah Melayu pada ketika itu.

Kampus Kolej berkenaan telah dibuka rasmi oleh Sultan Selangor, Duli Yang Maha Mulia Al-Marhum Tuanku Sultan Hisamuddin Alam Shah dan turut dihadiri oleh beberapa orang wakil dari kalangan Raja-Raja Melayu, Yang di-Pertua Negeri, Mufti, Pesaruhjaya Tinggi British, dan orang-orang kenamaan negeri.

Kumpulan pertama seramai 55 pelajar dari Semenanjung Tanah Melayu, Singapura, Brunei dan Thailand yang juga termasuk lima pelajar perempuan telah mendaftar.

Pada bulan November 2013, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia secara rasmi meluluskan penubuhan UIM dan kemudiannya didaftarkan di bawah Kementerian Pelajaran sebagai sebuah universiti swasta pada bulan Julai 2014.

Pada masa ini, UIM yang terletak di Cyberjaya mempunyai keluasan meliputi 100 ekar. Sesi pengajian

pertama UIM bagi program Sarjana dan Doktor Falsafah akan bermula pada bulan September 2015.

Dengan termenterainya MoU di antara UNISSA dan UIM ini, ia akan membukakan dan meluaskan lagi peluang kerjasama dalam bidang akademik dan bukan akademik di antara kedua-dua buah universiti.

Dengan mengambil kira persamaan bidang pengajian yang ditawarkan di UIM, ia setentunya dapat membantu memperluaskan lagi kerjasama strategik dalam bidang akademik melalui pertukaran pengalaman dan perkongsian ilmu serta maklumat untuk memartabatkan pendidikan Islam dan meningkatkan kualiti program dan urus tadbir institusi pengajian tinggi Islam setara dengan universiti-universiti ternama di luar negara.

Sejak penubuhannya pada 11 Zulhijjah 1427 / 1 Januari 2007, UNISSA terus giat berusaha menjalankan hubungan kerjasama dengan rakan strategik melalui penandatanganan MoU dengan pelbagai institusi pengajian tinggi serantau dan antarabangsa, sekali gus menaikkan reputasi UNISSA di persada antarabangsa.



**TIMBALAN Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff** bergambar ramai bersama Presiden UIM dan Rektor UNISSA.

# Hak-hak wanita selepas perceraian dibentangkan



**JEMPUTAN** yang hadir pada Majlis Taklimat Guaman yang bertajuk 'Hak-hak Wanita Selepas Perceraian di Dalam Hukum Syara' dan Akta Undang-Undang Keluarga Islam, Penggal 217 (AUUKI, P.217)'.  
BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 27 Mei. - Dalam memberikan kefahaman mengenai undang-undang dan hak-hak wanita selepas perceraian, satu Majlis Taklimat telah dianjurkan bersama oleh Syarikat Abrahams, Davidson (ADC), Jame' 'Asr Hassanil Bolkiyah dan Bahagian Hal Ehwah Muslimah, Jabatan Hal Ehwah Masjid.

Majlis Taklimat Guaman yang bertajuk 'Hak-hak Wanita Selepas Perceraian di Dalam Hukum Syara' dan Akta Undang-Undang Keluarga Islam, Penggal 217 (AUUKI, P.217)' diadakan di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiyah, di sini.

Taklimat disampaikan oleh dua orang Peguam Syarie dari Syarikat ADC iaitu Awang Haji Mohd. Syazwan Nizar bin Haji Mat Zain dan Dayang Hajah Safinah binti Haji Salim.

Dalam taklimatnya, Awang Haji Mohd. Syazwan Nizar dan Dayang Hajah Safinah antara lain menerangkan mengenai hak-hak wanita selepas perceraian yang dibahagikan kepada enam perkara iaitu Nafkah Iddah, Nafkah Anak, Nafkah Tertunggak, Hadhanah, Mut'ah dan harta sepencarian.

Pengertian Nafkah Iddah itu, jelas Awang Haji Mohd. Syazwan Nizar

adalah perbelanjaan yang wajib diberikan seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal bagi isteri, anak-anak, janda dan orang-orang lain di bawah tanggungan seorang suami atau bekas suami dan mana-mana orang termasuk ibu bapa dan bapa angkat mengikut Hukum Syara'.

Tambah beliau lagi, Nafkah Iddah ialah nafkah yang wajib diberikan oleh bekas suami kepada bekas isterinya yang telah diceraikan dalam masa iddah dengan syarat-syarat tertentu.

Syarat Nafkah Iddah pula, jelasnya, ialah bekas isteri berhak mendapat nafkah apabila ia diceraikan secara Talak Raj'ie (talak yang boleh dirujuk).

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

Begitu juga isteri hamil yang ditalak dengan Talak Bain (tidak boleh dirujuk) berhak mendapat nafkah sehingga anak itu lahir.

Manakala perempuan yang berkeadaan tidak hamil diceraikan secara Talak Bain tidak berhak mendapat nafkah, pakaian dan tempat kediaman. Isteri yang dalam Iddah kerana kematian suami juga tidak berhak mendapat nafkah Iddah meskipun ia dalam keadaan hamil.

Menyentuh mengenai tuntutan Nafkah Anak, Awang Haji Syazwan Nizar berkata, seseorang bapa wajib memberi nafkah kepada anak-anaknya dengan syarat bahawa anak itu belum boleh berdirikan, yang mana bapa anak perempuan sehingga ia berkahwin atau ia ada pekerjaan; anak itu miskin tidak mempunyai harta sendiri untuk menafkahnanya dan bapa itu mampu memberi nafkah.

Apabila anak itu telah baligh dan boleh berdirikan maka gugurlah tanggungjawab bapa untuk memberikan nafkah anak ke atasnya. Begitu juga jika anak itu mempunyai harta sendiri meskipun dia masih kecil maka bapa tidak wajib memberi nafkah kepada anaknya.

Seramai 150 Muslimah daripada lima buah masjid menghadiri taklimat tersebut iaitu Muslimah Jame' 'Asr Hassanil Bolkiyah, Muslimah Masjid Omar 'Ali Saifuddin,

Muslimah Masjid Kampung Bunut, Muslimah Masjid RIPAS Kampung Rimba dan Muslimah Masjid Kampung Pulauc.

Antara tujuan ceramah adalah untuk menyampaikan kepada masyarakat khasnya kepada kaum wanita mengenai dengan hak-hak yang ada di dalam undang-undang dan hukum syarak selepas terjadinya sesuatu perceraian.



**TAKLIMAT** disampaikan oleh Peguam Syarie dari Syarikat ADC, iaitu Awang Haji Mohd. Syazwan Nizar bin Haji Mat Zain.